



**UNIVERSITI
MALAYA**

KUALA LUMPUR



BUKU PANDUAN

PENULISAN TESIS/DISERTASI IJAZAH TINGGI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

PEJABAT IJAZAH TINGGI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

Tel: 03-7967 6002/6105/6109/6136

Fax: 03-7967 6022

Email: api_tinggi@um.edu.my



DESIGN BY: NORLIANA

BUKU PANDUAN
PENULISAN TESIS/DISERTASI IJAZAH TINGGI



Diterbitkan oleh:
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

Kata Aluan

Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah (swt) yang telah mempermudah segala urusan penerbitan buku panduan penulisan tesis/ disertasi edisi kedua ini.

Buku ini diharap akan dapat menjadi panduan berguna kepada calon-calon Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Segala maklum balas samada daripada para pemeriksa, penyelia mahupun calon, telah kami ambil kira dalam penerbitan edisi ini.

Seboleh mungkin, kami cuba menyediakan satu panduan yang dapat memenuhi kehendak semua pelanggan kami. Namun begitu, jika masih terdapat kekurangan yang memerlukan penambahbaikan, maka segala pandangan dan cadangan yang bernas kami alu-alukan. Ia boleh dilakukan dengan menghantarkan kepada kami dalam bentuk e-mail kepada: api_tinggi@um.edu.my.

Pada edisi kali ini panduan penulisan tesis/disertasi secara ringkas dalam Bahasa Arab dimasukkan pada penghujung buku. Kami berhasrat untuk menerbitkan garis panduan yang lebih sempurna sedikit masa lagi. Ia dijangka akan dapat menampung keperluan pelanggan kami menulis tesis / disertasi mereka menggunakan bahasa ini.

Perkara-perkara asas yang sering diabaikan oleh kebanyakan pelajar PhD dan Sarjana juga ada kami nyatakan dalam edisi ini. Inisiatif ini dijangka akan menjadi sebahagian dari elemen pemantauan dalaman oleh calon itu sendiri. Secara khusus ia diharap akan dapat membantu kita mencapai objektif yang dicatat dalam *Key Performance Indicator* bagi Akademi Pengajian Islam itu sendiri.

Kepada setiap individu yang terlibat dalam mengkaji dan menyusun gaya penulisan tesis/disertasi APIUM sehingga menghasilkan sebuah buku panduan ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih. Wassalam

Yang menjalankan tugas,

PROFESOR MADYA DR MOHD YAKUB @ ZULKIFLI HJ. MOHD YUSOFF
Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya



1. PANDUAN ASAS CALON IJAZAH TINGGI

Panduan ini perlu diberi perhatian serius oleh calon-calon Ijazah Tinggi dalam melaksanakan penyelidikan dengan jaya di samping memudahkan tugas-tugas penyeliaan oleh penyelia.

1.1 Penentuan bidang kajian/penyelidikan.

Peringkat ini merupakan peringkat awal dalam sesuatu penyelidikan. Seseorang calon sepatutnya telah mengenal pasti bidang penyelidikan yang wajar dilakukan semasa mereka mula mendaftar untuk ijazah tinggi. Calon hendaklah mengambil kira beberapa faktor berikut dalam memilih bidang kajian / tajuk penyelidikan. Antara pertimbangan yang perlu dibuat oleh calon ialah:

- a. Pengetahuan, kebolehan dan pengalaman yang sedia ada pada calon dalam bidang yang hendak dikaji. Ini bagi memastikan mereka boleh menguasai bidang penyelidikan mereka nanti.
- b. Minat terhadap bidang yang dikaji. Ini bagi merangsang calon terus menyelidik dan mencari maklumat untuk penyelidikan itu di samping memperluas dan memperkayakan lagi disiplin dalam bidang yang diminatinya.
- c. Sejauh mana wujudnya kajian-kajian terdahulu dalam bidang yang dipilih.
- d. Peluang-peluang bagi memperoleh maklumat/data dalam bidang kajian yang dipilih.
- e. Halangan yang berkemungkinan akan mengganggu kajian.
- f. Jangka masa yang mungkin diambil bagi mengumpul data dan menyiapkan kajian.
- g. Kemungkinan bidang yang dipilih itu ada kaitan dengan kerja atau profesion calon.
- h. Bidang yang dipilih itu mestilah dalam lingkungan kemampuan calon untuk menyiapkan kajian dari sudut kos, masa yang diambil dan keupayaan calon.



1.2 Cadangan Penyelidikan

a. Format Cadangan Penyelidikan Bagi Pencalonan Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam

Cadangan penyelidikan yang dimaksudkan di sini adalah bertujuan untuk dijadikan asas pertimbangan bagi pemilihan calon ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam. Calon hendaklah mengemukakan cadangan penyelidikannya ini dalam bentuk yang berjilid dan kemas. Cadangan penyelidikan ini hendaklah menjelaskan elemen-elemen berikut:

b. Bidang kajian:

Menjelaskan bidang khusus bagi kajian yang akan dilaksanakan seperti Muamalat, psiko-spiritual Islam, Metodologi Hukum, Fiqh Kepenggunaan, Ibadat dan sebagainya.

c. Tajuk:

Pernyataan tajuk ini hendaklah mampu menjelaskan persoalan pokok dan fokus kajian.

d. Latarbelakang masalah (Jika berkenaan) :

Membincangkan situasi timbulnya masalah yang akan dikaji. Keberkesanan perbincangan ini boleh dilihat pada kemampuannya untuk menampakkan masalah berkenaan dan pentingnya untuk diteliti dan didalami.

e. Pernyataan masalah/Permasalahan Kajian:

Pada bahagian ini calon hendaklah menyenaraikan masalah-masalah sebenar yang akan dikaji. Ia boleh dinyatakan dalam bentuk penjelasan tentang masalah yang menjadi tumpuan kajian, atau juga dalam bentuk senarai soalan.

f. Objektif:

Di sini calon hendaklah menjelaskan halatuju kajian dan perkara-perkara yang diharap akan dapat dicapai di akhir kajian nanti. Pernyataan ini hendaklah jelas, rasional, serta relevan dengan masalah yang dikaji. Objektif hendaklah mampu dicapai dan pencapaiannya itu sewajarnya boleh diukur.

g. Hipotesis kajian (Jika Perlu):

Hipotesis ialah pernyataan sementara tentang hubungan antara unsur-unsur yang dikaji atau tentang cara penyelesaian bagi sesuatu masalah.



h. Kepentingan kajian:

Calon hendaklah menjelaskan kepentingan dan sumbangan kajian yang akan dilaksanakan terhadap bidang yang dikaji seperti dapat memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum, memper-kemaskan sesuatu kaedah, membetulkan sesuatu fahaman atau seumpamanya. Juga kepentingan dan sumbangannya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

i. Definisi tajuk:

Bahagian ini menjelaskan konsep-konsep utama yang terdapat pada tajuk yang dicadangkan.

j. Skop kajian:

Skop dimaksudkan batasan kajian yang akan dijalankan. Penjelasan ini penting bagi memastikan penilai dapat memahami sempadan kajian berkenaan.

k. Kerangka teori

Kerangka ini boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berasaskan kajian-kajian terdahulu, kerangka teori ini akan menjadi panduan kepada kajian akan dilaksanakan.

l. Ulasan kajian lepas:

Ulasan kajian lepas membincangkan hasil-hasil kajian lepas yang berkaitan atau boleh dikaitkan dengan masalah yang dikaji terutama sekali untuk menjelaskan kedudukan kajian dalam konteks kajian-kajian yang pernah dilakukan.

m. Kaedah pengumpulan data:

Bagi kajian yang melibatkan pengumpulan data lapangan, calon hendaklah memberi penjelasan yang teliti dan meyakinkan tentang kaedah-kaedah yang akan digunakan.

Bagi calon yang akan menggunakan kajian perpustakaan sepenuhnya sumber data/maklumat hendaklah dijelaskan.

n. Kaedah analisis data:

Dalam bahagian ini calon perlu menjelaskan perancangannya tentang cara bagaimana mengolah data yang akan dikumpul untuk menjawab objektif kajiannya.



o. Bibliografi:

Calon perlu menyenaraikan senarai rujukan yang telah dirujuk dan digunakan untuk menyediakan cadangan ini. Senarai ini hendaklah mampu meyakinkan penilai bahawa rujukan sewajarnya telah dibuat.

1.2 Penetapan Rancangan Penyelidikan dan Jadual Kerja

Satu jadual kerja hendaklah dibuat supaya kajian itu berjalan dengan lancar dan mengikut jadual. Ini bagi mengelakkan berlakunya kelewatan. Carta jadual kerja ini terdiri daripada tarikh atau jangkamasa bagi sesuatu peringkat kajian itu, contohnya:

<u>Jangkamasa</u>	<u>Aktiviti</u>
_____	_____
_____	_____
_____	_____
_____	_____

1.4 Melaksanakan Projek Penyelidikan

- a. Sepanjang projek penyelidikan berjalan, calon hendaklah sentiasa berhubung rapat dengan penyelia. Calon juga hendaklah memastikan bahawa nasihat yang cukup telah diterima dari penyelia dalam menentukan bentuk penyelidikan yang akan dilaksana dan juga bentuk penulisan tesis/disertasi bagi kajian itu.
- b. Penyelidikan sebenar tidak dilakukan sehingga cadangan penyelidikan berkenaan telah disemak, dihalusi dan telah dipersetujui oleh penyelia. Ini bagi memastikan bahawa penyelidikan berkenaan berasaskan kepada bentuk yang dipersetujui.
- c. Sebarang perubahan metode atau prosedur dalam kajian berkenaan hanya dibuat sesudah mendapat persetujuan penyelia.
- d. Semua perkembangan penyelidikan dan penulisan tesis atau disertasi, hendaklah dimaklumkan kepada penyelia.
- e. Calon dinasihatkan supaya menyimpan semua data mengenai bahan kajian yang telah diperolehi bagi menghadapi kemungkinan ia diperlukan kemudian.



1.5 Kaedah Pencarian Maklumat

Cara-cara atau kaedah untuk mengumpul maklumat kajian bergantung kepada kesesuaian jenis kajian yang dibuat. Bagi kajian yang melibatkan kerja lapangan yang menggunakan soal selidik, draf soalan soal selidik dan jumlah responden yang akan dipilih mesti berdasarkan metodologi penyelidikan.

1.6 Gaya Penulisan

Corak dan gaya penulisan mestilah mengikut format panduan penyediaan tesis/disertasi yang telah disediakan oleh Akademi Pengajian Islam. Segala ejaan, transliterasi, susunan ayat dan penggunaan istilah hendaklah betul.

1.7 Pertemuan dengan Penyelia

Pertemuan dengan penyelia hendaklah dibuat dari masa ke semasa. Lebih kerap adalah lebih baik terutamanya ketika menghadapi sesuatu masalah dalam kajian. Penyelia akan menentukan hari-hari tertentu pertemuan ini. Pelajar dikehendaki mengisi borang (UM-PT01-PK02-BR007-S00) semasa membuat pertemuan dengan penyelia. Borang ini boleh didapati di Jabatan masing-masing.

1.8 Pengesahan Tajuk

Calon sarjana dan Doktor Falsafah hendaklah memohon pengesahan tajuk bagi kajian mereka sekurang-kurang 3 bulan sebelum penyerahan disertasi/tesis. Permohonan dibuat kepada Ketua Jabatan melalui penyelia masing-masing dengan menggunakan borang (UM-PT01-PK02-BR009-S00) yang disediakan.

1.9 Penyerahan Tesis

Sebelum dijilid, draf terakhir keseluruhan tesis/disertasi itu hendaklah ditunjukkan terlebih dahulu kepada penyelia untuk semakan terakhir. Penyerahan tesis/disertasi hendaklah menggunakan borang (UM-PT01-PK02-BR010-S00) yang terdapat di Jabatan atau Pejabat Ijazah Tinggi, APIUM atau laman web IPS.

1.10 Etika Penyelidikan (*Plagiarism*)

Perlu ditegaskan bahawa Tesis/Disertasi yang diserahkan untuk pemeriksaan mestilah penghasilan asal calon sendiri. Sebarang bentuk *plagiarism* adalah



dilarang sama sekali. *Plagiarism* ialah perbuatan mengambil idea, tulisan, data atau rekaan orang lain dan mendakwa idea, tulisan, data atau rekaan itu adalah hasil ciptaan atau dapatannya sendiri; atau cuba menonjolkan idea, tulisan, data dan rekaan yang diambil dari sumber lain itu dengan cara yang boleh memberi gambaran bahawa dialah sumber asli atau penciptanya. *Plagiarism* berlaku apabila idea, perkataan, tulisan, data atau rekaan dari karya orang lain yang telah diterbitkan diguna tanpa mencatatkan rujukan kepada karya asal atau penghargaan kepada penulis atau tuan punya karya tersebut. Rujukan atau penghargaan terhadap penggunaan idea atau perkataan orang lain, mestilah dinyatakan dalam nota kaki.

1.11 Keperluan Seminar

Terdapat dua bentuk seminar yang wajib dihadiri oleh calon-calon ijazah tinggi:-

- a. Seminar metodologi penyelidikan yang dianjurkan oleh Bahagian Ijazah Tinggi.
- b. Seminar Ijazah Tinggi yang dianjurkan oleh Jabatan/Bahagian Ijazah Tinggi yang melibatkan pembentangan dan kehadiran. Calon sarjana (Kursus dan Disertasi) menghadiri satu seminar. Calon sarjana (Disertasi) dikehendaki membuat dua kali pembentangan dan menghadiri satu seminar. Calon PhD dikehendaki membuat dua kali pembentangan dan menghadiri dua seminar.

1.12 Tempoh Pengajian

Tempoh minimum pengajian sarjana ialah 2 semester (Secara Disertasi) 3 semester (Secara Kursus dan Disertasi) dan maksimum bagi kedua-duanya ialah 10 semester. Bagi kajian PhD tempoh minimum ialah 4 semester dan maksimum ialah 16 semester.



2. SUSUNAN SESEBUAH TESIS/DISERTASI

Umumnya Tesis/Disertasi mengandungi tiga bahagian iaitu; (I) Awalan, (ii) Teks (iii) Akhiran. Penyusunan bab atau fasal adalah ditentukan mengikut jenis penyelidikan itu sendiri setelah mendapat nasihat dan persetujuan daripada penyelia.

2.1 Awalan

Bahagian ini mengandungi perkara berikut:

a) Halaman Hadapan

Tajuk yang diluluskan dan nama calon, nama jabatan dan tahun penyerahan. Lihat lampiran 1(a).

b) Halaman Judul

Selain dari apa yang dinyatakan pada halaman hadapan, dinyatakan juga tujuan penyerahan Tesis/Disertasi dibuat. Lihat lampiran 1(b)

c) Abstrak

Abstrak mengandungi penjelasan ringkas berkenaan tujuan utama, masalah, kaedah dan penemuan utama kajian. Abstrak ditulis tidak melebihi 500 perkataan untuk Tesis Doktor Falsafah dan 200-250 perkataan untuk Disertasi. Abstrak haruslah ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekiranya bahasa penulisan tesis/disertasi ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Abstrak dalam Bahasa Arab juga diperlukan sekiranya bahasa penulisannya ialah Bahasa Arab.

d) Penghargaan (salinan kekal sahaja)

Bahagian ini tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan Tesis/Disertasi memasukkan satu kenyataan yang ringkas untuk menyampaikan penghargaan terhadap pihak tertentu.

e) Isi Kandungan

Tajuk, bab dan pecahan kecil yang utama hendaklah disenaraikan. Tajuk dinomborkan (contoh: 1), tajuk kecil (contoh: 1.3) dan tajuk yang kecil kepada tajuk kecil (contoh: 1.3.7). Huruf kecil di dalam kurungan [contoh: 1.3.7(a)] boleh digunakan untuk membahagikan tajuk kecil menjadi lebih kecil lagi. Sistem penomboran ini dapat memberikan gambaran tentang tajuk besar dan tajuk kecil dan perkaitan antaranya.



f) Senarai Ilustrasi

Menyenaraikan semua bentuk ilustrasi dalam teks termasuklah graf, peta, gambar, carta, jadual dan sebagainya.

g) Senarai statut

Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat.

h) Senarai kes

Senarai ini hendaklah mengikut susunan abjad dan mempunyai muka surat. (Rujuk 4.7.9)

i) Senarai Simbol, Kependekan atau Tatanama

j) Panduan Transliterasi (Jika Transliterasi digunakan dalam tesis/disertasi).

k) Senarai lampiran

2.2 Teks

Tiada satu format tetap untuk teks. Susunannya terpulang kepada calon dan penyeliannya. Lazimnya teks mengandungi bab-bab berikut:

a. Pendahuluan

Mengemukakan masalah yang diselidiki, menghuraikan objektif kajian dan menjelaskan pelaksanaan penyelidikan bagi mencapai objektif yang dinyatakan.

b. Metodologi dan Sumber Data

Satu huraian yang jelas tentang kaedah penyelidikan dan sumber data yang digunakan.

c. Pembentangan dan Analisis Data

Pembentangan boleh dibuat dalam bentuk kuantitatif dan / atau kualitatif

d. Kesimpulan

Merumuskan hasil penyelidikan.

e. Rumusan dan Cadangan

la dikemukakan berasaskan kepada analisis dan data penemuan kajian.



2.3 Akhiran

Bahagian ini mengandungi:

a. Bibliografi

Apa jua rujukan Tesis/Disertasi sama ada dipetik secara langsung atau tidak, hendaklah disenaraikan dalam bibliografi. Bibliografi ini dimulakan pada halaman baru dan perkataan BIBLIOGRAFI ditaip dengan huruf besar.

Penaipan bibliografi menggunakan langkau 1 baris. Manakala antara 2 rujukan adalah langkau 2 baris. Senarai rujukan dimulakan tiga jarak di bawah perkataan bibliografi. Senarai rujukan adalah tidak bernombor dan mengikut susunan abjad.

b. Glosari (Jika perlu)

2.4 Lampiran

a. Instrumen penyelidikan seperti borang soal-selidik, peta atau gambar.

b. Lain-lain bahan yang boleh menjelaskan persoalan yang dibincangkan.

Lampiran ialah ilustrasi tambahan, dokumen asal yang dirujuk, atau petikan yang terlalu panjang hingga tidak sesuai dimuatkan ke dalam teks. Bahagian ini akan memberi maklumat lanjut kepada pembaca tentang persoalan yang dibincangkan.

Ia boleh dibahagikan kepada lampiran A, B, C dan sebagainya. Tiap-tiap lampiran serta tajuknya, jika ada, hendaklah disenaraikan di Bahagian Awalan.



3. STRUKTUR SUSUNAN BAHAGIAN TEKS

Penyusunan ini boleh menggunakan Bentuk 1 dan Bentuk 2 berikut sebagai panduan.

BENTUK 1

Bab 1: Berfungsi sebagai pengantar kepada kajian berkenaan. Secara umumnya bertujuan untuk memperkenalkan masalah kajian. Biasanya ia mengandungi tajuk-tajuk kecil berikut:

1.1 Pengenalan:

Mengandungi kenyataan yang memperkenalkan pembaca kepada isu asas yang berkait dengan kajian, iaitu dengan menyebut bidang yang menjadi asas perhatian kajian tersebut. Ia dimuatkan pada permulaan bab tanpa menggunakan tajuk kecil.

1.2 Latarbelakang masalah:

Membincangkan situasi atau punca timbulnya masalah. Keberkesanan perbincangan ini boleh dilihat pada kemampuannya untuk menampakkan masalah berkenaan dan pentingnya untuk diteliti dan didalami.

1.3 Pernyataan masalah:

Bahagian ini hendaklah merumuskan persoalan sebenar yang akan dikaji. Ia boleh dibuat dalam bentuk penjelasan tentang masalah yang akan menjadi tumpuan kajian, atau juga dalam bentuk senarai soalan.

1.4 Objektif:

Objektif menjelaskan halatuju kajian dan perkara-perkara yang diharap akan dicapai di akhir kajian. Pernyataan ini hendaklah jelas, rasional, serta relevan dengan masalah yang dikaji. Objektif hendaklah mampu dicapai dan pencapaiannya itu sewajarnya boleh diukur.

1.5 Hipotesis kajian (Jika Perlu):

Hipotesis ialah pernyataan sementara tentang hubungan antara unsur-unsur yang dikaji atau tentang cara penyelesaian bagi sesuatu masalah. Pernyataan berkenaan hendaklah dibuat secara jelas, padat dan tidak mengelirukan.

1.6 Kepentingan kajian:

Menjelaskan sumbangan kajian terhadap bidang yang dikaji seperti dapat memantapkan penjelasan tentang sesuatu hukum, memperkemas sesuatu kaedah, membetulkan sesuatu fahaman atau seumpamanya. Sumbangannya



dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemikiran pihak tertentu secara khusus dan masyarakat secara umum.

1.7 Skop kajian:

Skop dimaksudkan batasan kajian yang akan dijalankan. Penjelasan ini penting bagi memastikan pembaca dapat memahami ruang lingkup kajian berkenaan.

1.8 Definisi tajuk:

Bahagian ini menjelaskan konsep-konsep utama yang terdapat pada tajuk. Penjelasan ini akan membantu pembaca untuk lebih memahami masalah serta skop kajian.

1.9 Kajian Literatur

Membincang dan merumuskan hasil-hasil kajian lepas yang berkait dengan masalah yang dikaji.

1.10 Metodologi Kajian

Mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian berkenaan. Biasanya metode kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Perkara-perkara berikut biasanya terkandung dalam huraian yang komprehensif tentang metode dan prosedur kajian:

a. **Metode Kajian:** Yang menjelaskan kaedah pengumpulan data dan analisis data.

Pengumpulan data terbahagia kepada 2 iaitu kajian perpustakaan seperti penggunaan dokumen-dokumen yang berautoriti seperti manuskrip, fail rekod dan sebagainya manakala kajian lapangan seperti temubual, soal selidik, observasi dan sebagainya. Penekanan hendaklah dibuat bagi menjelaskan kewajaran dan melalui kaedah yang digunakan itu dalam kajian berkenaan.

b. **Sumber data:** Menjelaskan sumber dari mana data-data berkenaan diperolehi.

c. **Prosedur kajian:** Menjelaskan iangkah-langkah yang diambil dalam melakukan kajian berkenaan termasuk pembentukan sampel kajian.

d. **Metode analisis:** Menjelaskan kaedah pengolahan data sama ada kualitatif atau kuantitatif.



Bab 2: Menjelaskan kerangka teori yang menjadi asas kepada kajian yang akan dijalankan.

Bab 3 dan Bab 4: Mengandungi fokus utama kajian, penemuan dan analisis data.

Bab Penutup

Mengandungi kesimpulan dan cadangan bagi kajian tersebut. Bahagian ini boleh dijadikan satu bab tersendiri yang mengandungi unsur-unsur berikut:

- a. **Rumusan:** Merumuskan penemuan kajian.
- b. **Implikasi Kajian: (Sekiranya berkaitan)**
Tafsiran dari kesimpulan yang dibuat.
- c. **Cadangan: (Sekiranya berkaitan)** Saranan bagi menyelesaikan masalah yang dikaji berdasarkan rumusan dan tafsiran di atas.

BENTUK 2

1.1 **Bab 1:** Pendahuluan

1.2 **Bab 2:** Penjelasan kerangka teori dan literature review.

1.3 **Bab 3:** Metodologi

1.4 **Bab 4:** Data dan analisis

1.5 **Bab 5:** Rumusan dan cadangan



4. FORMAT PENULISAN TESIS

4.1 Penaipan

4.1.1 Kualiti Penaipan

Tesis/Disertasi mestilah ditaip langkau 2 baris. Hanya Times New Roman saiz font 12 sahaja dibenarkan. Bagi penulisan Arab dan Jawi hanya Traditional Arabic dan saiz font 16 sahaja dibenarkan. Pemotongan huruf atau perkataan tidak dibenarkan. Sebarang pepadaman mestilah bersih. Penggunaan pita lutsinar (*sellotape*) untuk sebarang tampalan juga tidak dibenarkan.

4.1.2 Jarak

Langkau 2 baris bagi teks keseluruhannya. Langkau 1 baris pula bolehlah digunakan semasa membuat jadual, petikan, nota, catatan kaki, keterangan yang mengandungi beberapa banyak baris dan senarai bibliografi.

4.2 Birai yang ditetapkan bagi teks am, jadual, rajah dan keterangannya hendaklah mengikut format seperti yang berikut:

Birai atas	: 2.0 cm
Birai kanan	: 2.0 cm
Birai kiri	: 4.0 cm
Birai bawah	: 2.0 cm

Sesuatu perenggan yang baru pada bahagian bawah sesuatu muka surat mestilah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris yang lengkap ditaip; jika tidak hendaklah dimulakan pada muka surat yang baru.

4.3 Penomboran Muka Surat

Semua bilangan muka surat dicetak tanpa tanda bacaan atau kurungan. Nombor siri muka surat dicetak di sebelah kanan bahagian bawah.

Bahagian Awalan diberi nombor kecil Roman secara berturutan (i, ii, iii dan seterusnya). Halaman hadapan dan halaman judul adalah halaman i dan ii, tetapi nombornya tidak ditaip. Nombor Roman iii terletak pada muka surat pertama selepas halaman judul.

Muka surat teks dan Bibliografi menggunakan nombor Arab berturut-turut (1, 2, 3, dsb.), bermula dengan 1 pada muka surat pertama Bahagian Teks.



4.4 Pecahan Kecil

Tiada sebarang penetapan tentang struktur penulisan di dalam sesuatu teks. Namun, sesuatu struktur penulisan yang telah dipilih hendaklah digunakan secara konsisten pada keseluruhannya.

4.5 Kertas dan Penduaan

Calon dikehendaki menggunakan kertas putih saiz A4 (210 x 297 mm) yang bermutu baik (80 gm) sahaja. Kertas pendua atau kertas komputer "*pin-feed*" tidak boleh digunakan. Hanya sebelah muka surat sahaja yang boleh dicetak.

4.6 Penjilidan

Lima salinan Tesis/Disertasi bagi serahan awal (6 salinan bagi PhD) hendaklah dijilid dengan berkulit nipis berwarna merah tua, satu daripadanya mestilah merupakan naskhah asal yang mengandungi hasil kerja dan kajian calon yang asli. Tajuk lengkap, nama penulis, nama Jabatan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan tahun penyerahan mestilah ditaip pada kulit depan. Contohnya adalah seperti di Lampiran I, Lampiran II atau Lampiran III.

Enam naskhah serahan mutakhir hendaklah dijilid dengan kulit tebal jenis *rexine* yang berwarna merah tua dan diserahkan kepada Universiti sama ada atau tidak Tesis/Disertasi itu telah mencapai merit bagi penganugerahan ijazah berkenaan. Tajuk lengkap, nama pengarang, nama Jabatan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya serta tahun penyerahan hendaklah dicetak berhuruf besar dengan font 16 atau 18 berwarna emas pada kulit hadapan. Nama pengarang, tajuk yang lengkap, tahun penyerahan dan nama ijazah yang akan dianugerahkan dicetak dengan huruf besar berwarna emas dengan saiz huruf yang sesuai pada tulang belakang. Contohnya seperti di Lampiran I, Lampiran II atau Lampiran III.

4.7 Nota Rujukan

4.7.1 Tujuan

- i. Untuk menjelaskan sumber data yang telah digunakan.
- ii. Untuk membolehkan pembaca merujuk kepada mana-mana bahagian dalam tulisan itu sendiri, sama ada sebelum atau selepas.
- iii. Untuk memberi penjelasan lanjut yang dikira tidak wajar dibuat dalam teks perbincangan.



- iv. Untuk menjelaskan pandangan yang berbeza dari sumber tertentu bagi membolehkan pembaca membuat perbandingan.
- v. Untuk memberi penghargaan kepada sumber yang digunakan.
- vi. Untuk memperkukuhkan kewibawaan penulisan kajian.

4.7.2 Bentuk Nota Rujukan

Penulisan nota kaki hendaklah dalam bentuk langkau satu baris (*single spacing*) dengan menggunakan font Times New Roman bersaiz 10. Penomboran nota kaki hendaklah mengikut bab ke bab.

Contoh

S. Husin Ali (1996), *Dua Wajah: Tahanan Tanpa Bicara*. Kuala Lumpur: INSAN, h. 94.

Syekh Yusuf Qardhawi (1984), *Halal dan Haram dalam Islam*. Mu'ammal Hamidy (terj.), c. 4. Singapura: Perpustakaan Nasional Pte. Ltd., h. 176.

Abū 'Abd Allāh Muhammad 'Umar b. Husayn Fakhr al-Dīn al-Razī (t.t.), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 7, c. 2. Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 23.

Dalam contoh nota rujukan di atas, tahun terbitan diletakkan dalam kurungan selepas nama penulis. Nama penulis dengan tahun terbitan dalam kurungan, nama buku, nombor jilid/juzuk

(jika ada), bilangan cetakan (jika ada) hendaklah dipisahkan dengan tanda koma antara satu dengan yang lain. Butir-butir ini pula hendaklah dipisahkan dengan keterangan tempat terbitan dan nama penerbit dengan tanda noktah. Nama buku di//te//ckan. Tempat terbitan didahulukan barulah diikuti dengan nama penerbit. Antara keduanya dipisahkan dengan kolon atau noktah bertindih. Sekiranya tiada tempat terbit hendaklah ditulis T.T.P. dan jika tiada penerbit hendaklah ditulis T.P.

Bagi buku rujukan yang merupakan buku terjemahan, nama penterjemah perlu dinyatakan selepas tajuk buku seperti dalam contoh buku Syekh Yusuf Qardawi di atas. Bilangan cetakan hanya perlu dinyatakan sekiranya cetakan tersebut bukan cetakan pertama.

Sekiranya sesuatu buku itu diedit, nama editornya dinyatakan sebelum nama buku berkenaan dan diletakkan (ed.) selepasnya, contoh:

Abdullah Alwi Haji Hassan (1985), "Al-Syura: Konsep dan Penerapannya dalam Organisasi dan Pentadbiran", dalam Lutpi Ibrahim et al. (eds.),



Islamika III. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 71-94.

4.7.3 Rujukan Kepada Makalah

Rujukan kepada sesuatu makalah yang diambil dari sesebuah buku, tajuk makalah tersebut hendaklah diletakkan di antara dua tanda petikan sebagaimana dalam contoh di atas. Singkatan *et al.* selepas nama Lutpi Ibrahim menunjukkan bahawa terdapat editor-editor lain selain darinya bagi buku berkenaan. Singkatan *et al.* ini juga boleh digunakan untuk mengambil tempat beberapa nama penulis buku selain dari penulis pertama buku berkenaan. Contoh:

Clifford T. Morgan *et al.* (1986), *Introduction to Psychology*, c. 3. New York: Mc Graw-Hill Book Company, h. 335.

Buku di atas sebenarnya telah dihasilkan bersama oleh Clifford T. Morgan, Richard A. King, John A. Weisz dan John Schopler.

Bagi makalah yang diambil dari Jurnal, caranya adalah hampir sama seperti makalah yang diambil dari buku. Contoh:

Abd. Kadir Haji Muhammad (1993), "Keberkesanan Undang-Undang Baru Keluarga Islam Dalam Mengurangkan Kadar Perceraian di Malaysia: Kajian di Kelantan dan Terengganu", *Jurnal Syariah*, Jil. 1 Bil. 2, Julai 1993, h. 230 - 242.

Bagi rujukan Jurnal Undang-Undang, contohnya adalah seperti berikut:

[1966] 2 *MLJ* 187

4.7.4 Rujukan Kepada Bahan Yang Tidak Diterbitkan

Rujukan kepada latihan ilmiah, disertasi, tesis, laporan-laporan sesuatu institusi ataupun kertas kerja seminar yang tidak diterbitkan, tajuk bahan berkenaan diletakkan dalam petikan, tidak dibo/d atau *italic* sebagaimana tajuk buku atau jurnal yang diterbitkan. Contohnya:

Wan Roslili Abd. Majid (1991), "Pendermaan Mata: Penilaian Islam Terhadap Amalannya di Malaysia" (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), h.30.

Khairuddin Yusof (1987), "Social and Health Review of Transsexuals" (Kertas Kerja Seminar Mak Nyah di Universiti Malaya, 24-25 Oktober 1987), h.5.



Keterangan bagi sumber atau bahan berkenaan diletakkan dalam kurungan, tidak terbuka seperti keterangan tentang bahan-bahan yang diterbitkan.

4.7.5 Rujukan Kepada Temubual

Dalam rujukan ini, nyatakan nama informan berkenaan (sekiranya mendapat persetujuan) diikuti dengan penunjuk autoritinya seperti jawatan dan gelaran. Tarikh temubual berkenaan dibuat juga perlu dinyatakan kerana pendapat atau maklumat dari seseorang itu berbeza dalam masa atau tempoh yang berlainan. Keterangan terperinci mengenai informan hendaklah dinyatakan dalam bibliografi (sekiranya ada).

Contoh:

Hashim Musa, Profesor Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Temubual pada 2 Februari 2001.

Zamzuri Ghani, Bendahari Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia. Temubual pada 5 Mei 2004.

4.7.6 Rujukan Kepada Laman Web

Apabila merujuk kepada sesuatu laman web nyatakan nama laman web berkenaan, alamatnya dan juga tarikh semakan terakhir terhadapnya dibuat. Tarikh semakan boleh diganti dengan tarikh rujukan dibuat. Penjelasan tentang tarikh amat perlu dibuat kerana sesuatu laman web sentiasa dikemaskini atau disemak oleh pemiliknya. Laman yang dirujuk itu hendaklah yang rasmi. Contoh:

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, <http://eprd.kpm.my/bmipmk01.html>, 7 Januari 1997.

Piagam Pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, <http://kpdnhg.gov.my/pelanggan.html>, 7 Januari 1997.

University of Malaya info, <http://cadcam.fk.um.edu.my/uaddr.html>, 7 Januari 1997.

4.7.7 Rujukan Kepada Bahan Yang Tidak Diketahui Penulisnya

Bagi bahan yang tidak diketahui penulisnya atau penulisnya kurang jelas, tajuk bahan berkenaan itu didahulukan diikuti dengan lain-lain keterangan yang boleh menjelaskan sumbernya seperti: penerbit, negeri, tarikh atau sebagainya.



4.7.8 Senarai Kes

- Eeswari Visuualingam v Government of Malaysia [1990] 1 MLJ86.
- Faridah bte Dato Talib v. Mohamed Habibullah bin Mahmood [1990] 1 MLJ 174.
- Public Prosecutor v White (1940) MLJ 214.
- Shaik Abdul Latif & Ors v Shaik Elias Bux (1915) 1 FMSLR 204
- Ketua Pendakwa Syarie lawan Ahmad bin Rashid dan seorang lain (1994) 10 JH 113.
- Siti Aishah dan Abdul Gafar (1995) 10 JH 27.
- Zaimas, Ex-parte (1995) 10 JH 204.

Kes asal yang dilapor dalam bahasa Inggeris hendaklah dikekalkan v atau "versus" samada kes mal atau jenayah.

Catitan/sebutan v dalam kes sivil mempunyai maksud antara dengan
.Sementara dalam kes jenayah bermaksud "lawan".

4.7.9 Senarai statut

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, 1993).

